

# Kerajaan tidak berhasrat hapuskan Pas — PM

Oleh ZULKIFLI JALIL

UM 1 MAR 2002

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Kerajaan tidak berhasrat menghapuskan Pas walaupun terdapat beberapa penyokong parti itu termasuk anak Mursyidul Am Pas, Nik Adli Nik Abdul Aziz, ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dakwaan bahawa beliau berusaha untuk mengharamkan Pas adalah tidak benar.

Sebaliknya, tegas beliau, berita itu sengaja dihebohkan oleh Pas untuk menanam kebencian rakyat terhadap kerajaan.

“Tindakan tersebut (mengancam keselamatan negara) dilakukan oleh sekumpulan golongan muda dalam parti tersebut. Itu maklumat yang kami terima, jadi tiada sebab kami perlu menghapuskan parti tersebut.

“Kami sebuah kerajaan demokratik. Mereka (Pas) mempunyai hak untuk membentuk parti dan menyuarakan pandangan mereka. Terserah kepada rakyat untuk memilih kerajaan,” kata Perdana Menteri.

## Menggugat

Beliau menyatakan demikian ketika diwawancara oleh stesen TV satelit *Al-Jazeera* dalam program *Tanpa Sempadan* yang disiarkan secara langsung dari London, pagi ini.

Beliau menjawab soalan sama ada benar terdapat laporan bahawa Amerika Syarikat (AS) telah meminta Malaysia menghapuskan Pas setelah terdapat beberapa penyokong parti itu, termasuk Nik Adli, ditangkap kerana cuba menggugat keselamatan negara.

Nik Adli ditahan di bawah ISA tahun lalu kerana mengetuai kumpulan militan KMM yang dikenal pasti mengancam keamanan Malaysia.

■ Lihat muka 4

# Kerajaan tidak berhasrat hapuskan Pas — PM

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menjelaskan, AS tidak membuat tuntutan kepada kerajaan supaya mengharamkan Pas.

Lagipun kata Perdana Menteri, beliau fikir Pas juga tidak menyokong tindakan yang dilakukan oleh segelintir Pemuda ahli mereka, termasuklah Nik Adli yang cuba mengancam negara.

Dalam pada itu, beliau berkata, AS tidak membuat tuntutan yang khusus kepada Malaysia mengenai misi memerangi keganasan.

Namun, setelah serangan 11 September, AS telah menegaskan bahawa dunia umumnya perlu bersatu menentang penganas dan Malaysia telah menyatakan persetujuan untuk menyertai kempen memerangi puak penganas.

“Dan ketika saya bercakap dengan Presiden AS (George W. Bush) melalui telefon, beliau telah berterima kasih di atas sokongan Malaysia ke atas kempennya.

“Kami juga telah mengucapkan takziah kepada mangsa peristiwa tersebut. Mereka (AS) tidak membuat tuntutan yang khusus, tetapi kami telah membuat keputusan untuk menyokong kempen memerangi keganasan,” katanya.

Ditanya mengenai bentuk sokongan yang diberikan oleh Malaysia kepada AS, Dr. Mahathir berkata: “Kami bersama-sama mereka dalam kempen memerangi keganasan.

“Jadi, kami bersedia membantu sekiranya ada perkara-perkara yang memerlukan bantuan kami dalam peperangan tersebut.”